



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Kami : JPK.SKPP.UNP.S.500-3/12/21JLD.10(95)
Tarikh : 1 Julai 2019

Semua Pegawai JPN Kedah,
Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Semua Pengetua Sekolah Menengah,
Semua Guru Besar Sekolah Rendah,
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (PKP)
SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBK2)
MELALUI SISTEM EPANGKAT DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia **KPM.BPSM.S.500-4/6/1 (41)** bertarikh **24 Jun 2019** kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK2) bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana mulai Januari 2019 hingga Disember 2019 melalui sistem ePangkat yang boleh dicapai melalui laman sesawang <https://epangkat.moe.gov.my/login.php>

3. Pegawai yang telah dinaikan pangkat genap **13 tahun** dalam skim perkhidmatan seperti berikut :

Urusan	Tarikh Naik Pangkat N22/C22/W22
Tahun 2019	1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2006

4. Pegawai perlu mengisi Borang Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (**Lampiran B**) dan selepas dinilai markah perlu diisikan oleh Ketua Jabatan ke dalam sistem ePangkat. Jawatan-jawatan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Halaman **Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)** hendak dimuat naik (**upload**) di dalam sistem ePangkat dengan menggunakan format pdf seperti berikut :-

- 5.1. Halaman 1 - Halaman depan BPK dan tarikh pengesahan pelantikan N17/W17/C17
- 5.2. Halaman 2 - Tarikh pengesahan dalam perkhidmatan N17/W17/C17 dan tarikh kenaikan pangkat N22/W22/C22.
- 5.3. Halaman 3 - Halaman yang terakhir yang telah dikemas kini.

8. Bagi melancarkan urusan kenaikan pangkat ini, kerjasama pihak tuan adalah dipohon untuk memperakukan pegawai yang layak mengikut syarat iklan melalui sistem berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut :

Peringkat Jabatan / PPD / Sekolah	Tarikh mula	Tarikh tutup
Calon	1 Julai 2019	31 Julai 2019 (Jam 11.59 malam) Sebarang usaha untuk membuat permohonan SELEPAS tarikh berkenaan akan menemui kegagalan
Ketua Jabatan (Ketua Bahagian/PPD /Pengetua/Guru Besar)	1 Ogos 2019	30 Ogos 2019 (Jam 11.59 malam) Sebarang usaha untuk membuat permohonan SELEPAS tarikh berkenaan akan menemui kegagalan

9. Mulai tahun 2019, Urusan TBBK adalah **PERAKUAN OLEH PEMOHON SENDIRI**. Calon **HANYA PERLU MENYEMAK SEMUA MAKLUMAT YANG TELAH DIKEMASKINI OLEH KETUA JABATAN MASING-MASING MENGGUNAKAN LOG MASUK SENDIRI** mengenai permohonan TBBK tersebut melalui sistem ePangkat. **Sebarang percanggahan maklumat perkhidmatan hendaklah dimaklumkan segera kepada Ketua Jabatan.**

10. Sebagaimana diingatkan terlebih dahulu, tuan diminta mengemaskini maklumat pegawai seterusnya mengesahkan dalam sistem ePangkat perkara seperti Maklumat Peribadi, Maklumat Perkhidmatan AKP, Cuti Tanpa Gaji, Cuti Belajar Tanpa Gaji, Cuti Belajar Bergaji, Tempoh Percubaan Berdenda, Maklumat Tatatertib dan Maklumat Prestasi (Tahun 2016, 2017 dan 2018). Ketua Jabatan dipertanggungjawabkan sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang ketidaktepatan maklumat pegawai.

11. Pegawai seperti berikut yang perlu diperakukan secara manual :

11.1. Pegawai yang mengambil Cuti Belajar, sama ada Cuti Belajar

Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG).

- 11.2. Pegawai yang telah diluluskan Cuti Separuh Gaji (CSG) dan/atau Cuti Tanpa Gaji (CTG).
- 11.3. Pegawai yang telah dikenakan pelanjutan Tempoh Percubaan Dengan Berdenda (TPB)
- 11.4. Pegawai yang diperaku tetapi gagal dalam urusan berkenaan kerana LNPT tidak mencapai tahap yang ditetapkan/KC tidak mencapai tahap yang ditetapkan.
- 11.5. Pegawai yang telah bersara/meninggal dunia.
- 11.6. Untuk calon yang terlibat kes **Tidak Hadir Bertugas (THB)**, Ketua Jabatan perlu merujuk terlebih dahulu kes berkenaan kepada Unit Tatatertib/Integriti, Jabatan Pendidikan Kedah. Maklum balas secara bertulis dari Unit Tatatertib/Integriti perlu dilampirkan bersama-sama dengan perakuan calon.

12. Sebarang pertanyaan tentang urusan ini, sila hubungi **Encik Abdul Razak Bin Ahmad di talian 04-7404150**.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH ”

“ PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG ”

Saya yang menjalankan amanah,



(**SAIDI BIN SHAARI**)

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.

s.k.

1. Semua Ketua Sektor,
2. Semua Penyelia ICT,
Pejabat Pendidikan Daerah,
- Sila masukkan surat ini dalam portal rasmi Pejabat Pendidikan Daerah masing- masing.

Lampiran A

Bil.	Jawatan	Gred
1	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Gred N22
2	Penyelia Asrama	Gred N22
3	Pembantu Makmal	Gred C22
4	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Gred W22

Borang Penilaian Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua (TBK2)

A. MAKLUMAT PEGAWAI

(i) Nama dan No.KP : _____

(ii) Skim Perkhidmatan : _____

(iii) Jawatan dan Gred : _____

(iv) Kementerian / Jabatan : _____

(v) LNPT (3 tahun terkini) :

Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3 (terkini)

B. PENILAIAN PENYELIA

Saya _____ (nama) _____ (nama jawatan)
 Gred _____ menilai pegawai ini seperti berikut:

	Rendah (1 markah)	Sederhana (2 markah)	Tinggi (3 markah)
a. Mempunyai disiplin, teladan (<i>role model</i>) dan berketerampilan yang baik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Mementingkan aspek kesegeraan dan proaktif dalam menyelesaikan tugas.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Mempunyai kebolehan dalam menyelia dan memberi bimbingan serta kesediaan untuk berkongsi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d. Menunjukkan komitmen terhadap tugas dan bersedia menerima tanggungjawab tambahan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e. Berfikiran positif dan mampu menyesuaikan diri dalam sebarang perubahan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

JUMLAH MARKAH

Kategori	5 – 9 markah (Kurang memuaskan)	10 – 12 markah (Baik)	13 – 15 markah (Cemerlang)
[sila tanda (/) di ruangan yang disediakan berdasarkan jumlah markah yang diberi]	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

C. JAWAPAN PENYELIA (TUGAS)

Tarikh : _____

(Tandatangan Penyelia)

D. PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan penilaian kecemerlangan yang dibuat oleh penyelia tersebut.

Ulasan (jika ada) : _____

Tarikh : _____

(Tandatangan Ketua Jabatan)
 Cop Rasmi

(Borang ini hendaklah diklasifikasikan sebagai "SULIT" apabila ianya dilengkapkan)